

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**
[BATU KAWAN]
TARIKH : **17 MAC 2016**
SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kegunaan *stainless steel* berbanding titanium di hospital Kerajaan bagi implan dalaman dan bila Kerajaan akan berhenti menggunakan *stainless steel* memandangkan ianya akan memudaratkan kesihatan pesakit yang mempunyai bahan *stainless steel* dalam badan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan implan / prostesis merupakan cara rawatan yang *standard* bagi kes-kes tulang patah dan sebagainya. Kadar penggunaannya semakin meningkat setiap tahun dengan bertambahnya kadar kemalangan akibat jalan raya, kemalangan industri dan peningkatan jumlah warga emas dengan masalah-masalah seperti osteoporosis dan *degenerative joint diseases*. Majoriti daripada implan / prostesis yang digunakan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia adalah jenis *stainless steel*.

Pada tahun 2015 dianggarkan bilangan penggunaan *stainless steel* di 22 buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah 39,339 set dan titanium pula adalah 9,464 set.

Implan / prostesis *stainless steel* adalah selamat digunakan kerana ia adalah *biocompatible* dan berintegrasi dengan baik dalam tubuh pesakit tanpa komplikasi atau reaksi penolakan.

Kos pembelian *stainless steel* yang lebih rendah berbanding titanium menyebabkan ia digunakan secara meluas dan perolehan bersesuaian dengan dasar penjimatan kerajaan tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan kesihatan. Dengan ini hospital-hospital KKM akan terus menggunakan implant / prostesis *stainless steel* secara meluas.

Penggunaan implan / prostesis dari jenis titanium juga digunakan di hospital-hospital KKM di mana majoriti kes dibiayai oleh pesakit sendiri. Terdapat sebilangan kecil kes-kes tertentu yang menggunakan implan / prostesis dari jenis titanium di bawah peruntukan kerajaan seperti *comminuted fracture*, osteoporosis dan *articular fracture*.